

Pewaris UMNO

SEBAGAI seorang bapa yang mengasah anak-anaknya dan mengambil berat nasib masa depan mereka, demikianlah Datuk Hussein Onn meninggalkan amanat terakhir sebagai Presiden UMNO kepada Perhimpunan Agung ke-32 semalam. Beliau menegaaskan bahawa dalam menunaikan peranan dan meneruskan perjuangannya UMNO memerlukan barisan pemimpin yang dapat mewarisi kepimpinan Parti dari satu masa ke satu masa. Tetapi siapakah "pemimpin yang berkaliiber" yang diharapkan oleh Datuk Hussein mewarisi perjuangan UMNO dan orang Melayu itu? Suatu perkara yang pasti ialah bahawa mereka datang dari pemimpin-pemimpin muda sekarang. Dalam ucapannya merasmikan Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita kelmarin, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah memberi beberapa garis panduan. Mereka, tegas beliau, mestilah menjadi penyedar dan pembimbing masyarakat, dan kerana itu mesti bersedia menceburkan diri ke tengah-tengah masyarakat yang dipimpinnya. Mereka juga haruslah bersedia menghadapi hakikat yang kurang enak iaitu bahawa peranan yang mesti dimainkan oleh pemimpin-pemimpin muda itu tidak semestinya boleh menjadikan mereka tokoh-tokoh popular.

Suatu kenyataan yang tidak dapat ditolak ialah bahawa pemimpin-pemimpin masa depan datang dari golongan berpelajaran tinggi. Masalah yang lebih rumit dan kemajuan yang amat pesat memerlukan pengetahuan yang setimpal. Tetapi sebagai pemimpin mereka tidak boleh terasing dari masyarakat. Mereka tidak boleh hanya menyeru dari menara gading tetapi berlari sama di dalam lumpur. Mereka juga harus melalui banyak ujian sebelum layak dan diterima rakyat sebagai pemimpin. Tetapi jika dalam ilmu silat dahulu kala ujian penamat kajinya datang dari Tok Guru dengan berbagai kebolehan ghaibnya, tabung uji pemimpin akan datang ialah masyarakat dengan segala masalahnya. Berangsiapa yang sanggup berusaha menyelesaikan masalah masyarakat itu dengan berpedomankan matlamat dan dasar perjuangan UMNO, dialah yang layak dan akan muncul menjadi pemimpinnya.

Datuk Hussein Onn melakukan dua upacara penting yang terakhir sebagai Presiden UMNO setelah memimpin Parti itu sejak tahun 1976: meletakkan batu asas Kompleks Bangunan UMNO dan merasmikan Perhimpunan Agung ke-32. Sebagai tanda terima kasih kepada beliau, ahli-ahli UMNO patutlah mematuhi amanatnya itu. Dan sebagai pewaris-pewaris UMNO, pemimpin-pemimpin akan datang harus pula meneruskan tradisi unggul parti itu — bahawa pemimpin lama tidak pernah dilupa atau diketepikan. Seperti Tunku Abdul Rahman, Datuk Hussein Onn akan tetap menjadi negarawan yang berperanan, sumber ilham dan ocak nasihat bagi UMNO dan negara.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia